

# SST tak boleh ditangguh

➔ Negara hilang sumber pendapatan jika lewatkan laksana cukai: Penganalisis

Oleh Nora Mahpar  
noramahpar@nstp.com.my

**K**erajaan tidak boleh menangguhkan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) terlalu lama kerana akan menyebabkan negara hilang sumber pendapatan dalam jumlah yang besar.

Penganalisis Ekonomi dan Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata negara juga memperoleh pendapatan daripada hasil minyak mentah yang boleh mengimbangi kesan kekurangan pendapatan negara daripada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

“Diharapkan kerajaan tidak tangguh lebih daripada dua bulan (pelaksanaan SST) kerana lebih lama ditangguhkan, lebih banyak pendapatan negara tidak dikutip,” katanya ketika dihubungi NSTP, semalam.

Ahmed Razman berkata, kutipan GST pada 2017 adalah RM43.8 bilion dan dijangka bertambah sehingga RM60 bilion dalam tempoh tiga tahun manakala SST mencatatkan kutipan RM17.2 bilion pada 2014.

## Peningkatan harga minyak

Katanya, walaupun ada perbezaan hampir RM20 bilion, harus diingat GST diperkenalkan ketika harga minyak mentah dunia merudum di bawah paras AS\$50 satu tong.

“Bagaimanapun ketika ini, harga minyak mentah mencecah hampir AS\$80 satu tong, sekali gus berjaya menampung kekurangan pendapatan negara daripada GST. Kita kena maklum perkara ini,” katanya.

Kerajaan mengumumkan penetapan GST pada kadar sifar berkuat kuasa 1 Jun ini. Ia bagi menunaikan janji manifesto Pakatan Harapan yang akan menghapuskan GST dalam tempoh 100 hari, jika mereka berjaya memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Pada masa sama, Ahmed Razman berkata, berkata cadangan untuk menggantikan GST dengan SST dilihat berupaya menurunkan harga barangan keperluan harian, termasuk makanan dan minuman, jika penguatkuasaan pelaksanaannya dibuat dengan betul.

Katanya, berdasarkan Indeks Harga Pengguna (IHP), harga makanan mencatatkan peningkatan ketara, iaitu sehingga 30 peratus sejak 2010 hingga 2017.

## Perlu penguatkuasaan, mekanisme

“Jika kita perhatikan kemampuan rakyat dalam kuasa membeli, adalah wajar jika GST dihapuskan kerana sejak GST dilaksanakan pada April 2015, kita lihat harga barangan dan makanan naik mendadak.

“Saya fikir dengan tindakan ini, ia mampu menurunkan harga barangan atau paling tidak mengekalkannya pada paras sedia ada. Namun, penguatkuasaan dan mekanisme perlu ada agar ia tidak berlaku sebaliknya,” katanya.

Diminta mengulas mengenai laporan sebuah portal tempatan bahawa pemansuhan GST memberi kelebihan kepada organisasi besar untuk lari daripada dikenakan cukai, beliau berkata, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mempunyai data yang lengkap untuk mengenalpasti individu atau institusi yang wajib melunaskan cukai pendapatan mereka.

“Tiada istilah lari daripada cukai. Setiap syarikat yang mendaftar, sudah tentu LHDN tahu berapa jumlah pendapatan mereka. Mereka tidak boleh lari,” katanya.

Selain itu, jelasnya langkah Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad membubarkan beberapa agensi kerajaan serta mengurangkan perbelanjaan Kementerian turut membantu mengurangkan beban kewangan kerajaan.



Cadangan untuk menggantikan GST dengan SST dilihat berupaya menurunkan harga barangan keperluan harian, termasuk makanan dan minuman, jika penguatkuasaan pelaksanaannya dibuat dengan betul”

**Ahmed Razman Abdul Latiff,**  
Penganalisis Ekonomi dan Pensyarah Kanan  
Putra Business School, UPM

